

AI DALAM PENDIDIKAN

Nilai sebenar pendidik tak berubah



Bersama
Dr Shafinah Farvin
Packeer Mohamad

K

AI tidak mempunyai keupayaan untuk memahami emosi, membentuk sahsiah atau memberi inspirasi sebagaimana dilakukan oleh seorang pendidik

emunculan kecerdasan buatan (AI) memberi impak yang signifikan kepada pelbagai sektor apabila ia mengubah cara manusia bekerja, berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Menurut Laporan AI Index 2026, penggunaan kecerdasan buatan generatif (GenAI) telah mencapai kira-kira 53 peratus daripada populasi global dalam tempoh hanya tiga tahun menjadikannya teknologi digital yang paling banyak digunakan setakat ini.

Selain itu, 88 peratus organisasi melaksanakan AI dalam sekurang-kurangnya satu fungsi perniagaan, sekali gus menggambarkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sektor pendidikan juga tidak terkecuali, AI digunakan secara meluas oleh tenaga pengajar dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan ini membuka peluang baharu kepada sistem pendidikan. Namun, pada masa sama, timbul persoalan yang lebih besar, iaitu adakah kita masih memahami makna sebenar menjadi seorang yang berilmu dalam era AI?

Perkembangan AI mengubah cara manusia berinteraksi dengan ilmu. Maklumat yang suatu ketika dahulu diperoleh dengan usaha yang panjang, kini boleh diperoleh hampir serta-merta. Hakikatnya, kemudahan ini tidak cukup untuk seseorang dinobatkan sebagai berilmu dalam dunia yang dipacu oleh AI ini.

Sebaliknya, ia menuntut kemampuan seseorang untuk membezakan antara fakta dan kekeliruan serta antara maklumat dan kebijaksanaan. Ini kerana bukan semua maklumat yang diberikan AI betul, tepat dan disokong oleh sumber yang berautoriti.

Hai ini sudah pun ditekankan dalam sistem pendidikan Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, ilmu perlu disertai dengan hikmah. Menurut

Imam al-Ghazali, hikmah ialah suatu keadaan atau sifat jiwa yang dengannya seseorang dapat membezakan antara yang benar dan salah dalam semua perbuatan yang dilakukan dengan kehendak dan pilihan sendiri. Daripada definisi tersebut, dapat difahami bahawa seseorang yang mendapat hikmah daripada ilmu yang dipelajari mampu mengenal hakikat sesuatu, membezakan antara kebenaran dan kebatilan, membuat pertimbangan yang tepat dan bertindak berdasarkan ilmu yang benar.

Akan tetapi, realitinya, AI mungkin mempunyai akses kepada jutaan sumber maklumat dan mampu menjawab pelbagai persoalan dalam masa singkat, tetapi ia tidak memiliki hikmah, niat, nilai moral atau pertimbangan etika. AI boleh memberitahu apa yang boleh dilakukan, tetapi tidak dapat menentukan apa yang sepatutnya dilakukan. Semuanya perlu dipertimbangkan semula oleh manusia secara rasional.

Dalam dunia yang dipenuhi maklumat, kejayaan dipertuhinya tidak lagi diukur berdasarkan jumlah fakta yang dihafal, tetapi melalui kemampuan seseorang untuk berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Oleh itu, guru dan pensyarah perlu memberi lebih tumpuan kepada membimbing, memotivasi dan membentuk keperibadian pelajar. Ini kerana AI tidak mempunyai keupayaan untuk memahami emosi,

membentuk sahsiah atau memberi inspirasi sebagaimana yang dilakukan oleh seorang pendidik.

Bertitik tolak daripada itu, pendidikan masa depan tidak boleh lagi sekadar menumpukan kepada celik digital, tetapi perlu bergerak ke arah celik AI. Kemahiran untuk menilai kesahihan maklumat dan menggunakan teknologi secara bertanggungjawab akan menjadi antara kompetensi penting pada masa hadapan. Di sinilah terletak peranan pendidikan yang sebenar. Jika AI mampu membantu manusia memperoleh ilmu, maka institusi pendidikan perlu memberi penekanan yang lebih besar kepada pembentukan hikmah daripada ilmu yang diperolehi. Pelajar perlu dididik bukan sahaja untuk menjadi pengguna teknologi yang cekap, tetapi juga individu yang mempunyai integriti, amanah dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.

Perkara ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh. Kemajuan teknologi semata-mata tidak mencukupi jika tidak disertai dengan nilai kemanusiaan. Aspirasi Malaysia MADANI berteraskan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, ihsan dan keyakinan sangat berperanan dalam memberikan panduan penting dalam memanfaatkan teknologi secara bertanggungjawab. Dalam konteks ini, penggunaan AI dalam pendidikan bertepatan

dengan usaha kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berilmu, kreatif dan berdaya saing. Nilai MADANI yang sejajar dengan penggunaan AI adalah daya cipta, ihsan dan keyakinan. Nilai daya cipta dipupuk melalui penerokaan teknologi baharu dan pendekatan pembelajaran yang inovatif. Nilai ihsan pula ditanam melalui penekanan terhadap integriti serta penggunaan teknologi secara beretika. Nilai keyakinan pula diterapkan dalam membentuk generasi yang mampu menghadapi cabaran serta memimpin negara dalam era digital.

Kesimpulannya, kemunculan AI mengubah cara kita memperoleh dan menguruskan ilmu. Namun, nilai sebenar pendidikan tidak pernah berubah. Dalam dunia yang semakin dipenuhi mesin yang mampu menghasilkan jawapan, kelebihan manusia terletak pada keupayaan berfikir, membuat pertimbangan moral dan bertindak dengan hikmah, justeru, kejayaan pendidikan pada masa hadapan tidak diukur berdasarkan sejauh mana kita menggunakan AI, tetapi sejauh mana kita mampu melahirkan generasi yang berilmu, beretika dan berjiwa MADANI dalam memanfaatkan teknologi demi kebaikan ummah dan negara.

Penulis Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Pengkomputeran
Universiti Utara Malaysia

dialog kotaraya oleh yon

